

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bahasa adalah alat komunikasi yang amat penting bagi setiap manusia. Dengan adanya bahasa, barulah sesebuah komunikasi itu dapat berjalan dengan lancar. Komunikasi melibatkan penyampaian maklumat, buah fikiran, pandangan, pendapat dan hujahan untuk meyakinkan orang tentang sesuatu perkara. Justeru tanpa bahasa yang merupakan medium utama yang digunakan dalam komunikasi maka sukarlah bagi sesebuah masyarakat itu untuk berhubung di antara satu dengan yang lain. Bahasa bukan sahaja merupakan pembawa mesej, tetapi juga wahana untuk menyampaikan makna yang ingin dikemukakan sama ada melalui bunyi mahupun secara bertulis.

1.1 Bahasa : Definisi Dan Konsep

Menurut Edward Sapir (Raja Masittah Raja Ariffin, 1996:594) dalam bukunya *Language*, “Bahasa adalah semata-mata suatu kaedah bukan naluri yang digunakan oleh manusia untuk menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sadar”. Bloch dan Trager (Raja Masittah Raja Ariffin 1996:594) menerusi buku mereka *Outline of Linguistic Analysis* memberi takrifan bahawa “bahasa ialah suatu sistem simbol yang arbitrari yang membolehkan sesuatu kumpulan sosial bekerjasama”. Selain itu menurut Kamaruddin Hj. Husin (1993:1) pula menyatakan bahawa “bahasa ialah alat yang digunakan oleh anggota masyarakat untuk berhubung”. Keupayaan berbahasa adalah satu kebolehan asas manusia. Fenomena ini berlaku apabila manusia itu sendiri memiliki alat-alat artikulasi yang

normal dan dapat berfungsi dengan baik dan sempurna. Alat artikulasi adalah kurniaan Tuhan, manakala bahasa pula adalah ciptaan sesuatu masyarakat yang terbentuk melalui ciri kebudayaan serta fenomena masyarakat yang lain. Sementara itu bagi tokoh linguistik seperti Profesor Dato' Dr. Asmah Haji Omar (Puteri Roslina Abdul Wahid 1995:443) menekankan bahawa betapa pentingnya bahasa sebagai alat komunikasi atau perhubungan antara manusia dengan manusia yang lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga definisi bahasa yang dinyatakan dapat dilihat tentang hakikat bahasa itu sendiri yang amat penting di dalam proses komunikasi dan komunikasi kebahasaan antara manusia yang bertujuan untuk menyampaikan segala jenis makna melalui perantara bahasa samaada dalam bentuk pertuturan atau penulisan. Makna atau maksud yang disampaikan itu seharusnya difahami oleh penerima (pendengar) sesebuah peristiwa komunikasi dengan tepat seperti yang dinyatakan oleh penyampainya (penutur). Terdapat dua cara penyampaian bagi sesebuah makna itu iaitu melalui penyampaian secara langsung dan tidak langsung. Bagi masyarakat Melayu, mereka amat menitikberatkan kesantunan dan kesopanan ketika berkomunikasi yakni berbahasa dalam kehidupan. Walaupun masyarakat Melayu pada keseluruhannya mempunyai hubungan sosial yang amat rapat yang terbentuk sejak dari dahulu lagi, namun ia tetap disempadani oleh pemilihan kata yang sesuai yang terselit di dalamnya unsur kehalusan bahasa. Keadaan ini bukan hanya berlaku atau wujud pada hari ini sahaja bahkan ia sudah pun wujud sejak dari dahulu lagi iaitu setelah kedatangan Islam ke alam Melayu. Masyarakat Melayu melihat agama Islam sebagai satu wadah penting dalam pembentukan peribadi. Nilai-nilai luhur yang dibawa oleh Islam amat sesuai dengan latar dan budaya rumpun bangsa Melayu. Dengan itu kehadiran Islam seiring

dengan kemasukan ungkapan bahasa Arab yang rata-rata mempunyai unsur-unsur kehalusan budi dan rasa yang terkandung pada maknanya (Ismail Hashim:1991:39).

Penggunaan bahasa yang halus dan tersirat dalam menyampaikan sesuatu maksud ini merangkumi segala topik perbualan yang dibualkan itu dimana ia tidak sama sekali dibicarakan dengan berterus-terang tetapi ia lebih banyak menggunakan ungkapan-ungkapan yang berbentuk tersirat demi menjaga keharmonian sesebuah hubungan itu. Penyampaian sesuatu makna secara langsung itu merupakan sesuatu yang diluar kebiasaan malah ia dipandang sebagai bentuk perbuatan yang biadap atau kurang sopan. Hal ini diakui oleh Za'ba (1960) yang menyatakan bahawa bahasa Melayu merupakan ungkapan bahasa yang istimewa dan mampu menyesuaikan diri dengan situasi yang wujud dalam masyarakat. Sebagai masyarakat yang berinteraksi dalam kelompok yang berbeza, sudah pasti hubungan kemanusiaan yang berharmoni diperlukan. Dari apa yang dikatakan oleh Za'ba jelas menunjukkan kesantunan dan kesopanan berbahasa itu amat dititikberatkan dan sesuai dengan budaya Melayu di mana sesuatu ungkapan yang mungkin kurang manis untuk dituturkan atau sesuatu yang tidak ingin disampaikan secara terus terang maka cara mengungkapkannya adalah melalui penggunaan bahasa yang halus lagi tersirat.

Penggunaan bahasa yang halus lagi tersirat ini banyak dipersembahkan melalui genre sastera seperti puisi tradisional dan puisi moden. Aspek utama dalam puisi tradisional terdiri daripada syair, pantun, gurindam, seloka, peribahasa, serta beberapa ungkapan-ungkapan lain seperti bahasa kiasan, bahasa sindiran, pepatah dan petitih. Manakala aspek utama bagi puisi moden pula ialah sajak. Kesemua genre sastera yang disebutkan ini mencerminkan serta

memperlihatkan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu itu sendiri ketika berbahasa. Menurut Profesor Dato' Dr. Asmah Haji Omar di dalam buku beliau *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu* penggunaan bahasa Melayu dalam keadaan seperti yang disebutkan di atas merupakan contoh penggunaan bahasa yang sangat indah dan penggunaannya adalah bertujuan mewujudkan suasana yang sopan dan tertutup ketika sesebuah peristiwa komunikasi itu berlangsung. Maksud sopan dan tertutup di sini bermaksud mesej yang hendak disampaikan diselindungi dengan tutur kata yang semanis mungkin. Namun begitu, apa yang cuba disampaikan dapat menembusi pemikiran dan pemahaman si pendengar dan ternyata jarang sekali berlakunya salahtafsir. Itulah kelebihan masyarakat Melayu yang unik dan di sinilah terserlahnya ketrampilan orang Melayu bermain bahasa. Justeru dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada sebuah genre sastra dalam puisi moden iaitu sajak.

1.1.1 Definisi Puisi

Puisi Melayu merupakan satu genre sastra yang dominan di dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, jika dibandingkan dengan genre sastra Melayu yang lain seperti cerpen, novel dan drama. Puisi juga merupakan genre yang begitu kuat perkaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu. Proses penciptaan puisi juga begitu akrab dengan budaya masyarakat Melayu. Sesebuah puisi yang dicipta ia tidak akan lahir tanpa sebab dan akibatnya. Di dalam Kamus Dewan (1989:989) puisi di definisikan sebagai sebuah karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan sebagainya. Menurut Herman J. Waluyo (1994) menyatakan bahawa puisi adalah bentuk karya sastra yang mengungkapkan pemikiran dan perasaan penyair secara imaginatif dan disusun dengan mengkonsentrasikan semua

kekuatan bahasa dengan pengkonsentrasian struktur fizik (struktur luaran) dan batin (struktur dalaman). Sementara itu bagi Clive Samson (1960:5) menyatakan bahawa puisi mengungkap pengalaman intelektual melalui pengucapan bahasa berirama yang bersifat imaginatif dan emosional dengan mempertimbangkan efek kehidupan. Ini adalah apa yang dimaksudkan oleh Mathew Arnold (1994) menyatakan bahawa puisi adalah satu bentuk kritikan tentang kehidupan dan ia disokong oleh seorang lagi tokoh iaitu Mc Naire (1994) yang menyatakan bahawa kritikan yang dimaksudkan itu adalah reaksi penyair terhadap dunia.

Daripada beberapa definisi yang diutarakan memperlihatkan fungsi puisi itu sendiri yang menjadi saluran atau media bagi para penyair mengungkapkan perasaan dan pemikiran mereka tentang sesuatu perkara serta berbicara dan menganalisa apa yang dirasainya lewat kehidupan yang dilalui. Kebanyakan penyair menyampaikan segala kritikan dan juga mesej kepada pembaca dan pendengar dengan menggunakan puisi. Dalam sesebuah puisi itu, kata-kata, frasa-frasa dan kalimat-kalimat yang menjadi gaya bahasa puisi mengandungi makna tambahan atau disebut sebagai makna konotasi. Bahasa konotasi yang terkandung dalam puisi menyebabkan makna dalam baris-baris puisi itu bersifat tersembunyi, mendalam, kaya, jauh dan luas pengertiannya atau lebih tepat lagi dipanggil sebagai makna yang tersirat. Justeru gaya bahasa yang bercirikan unsur-unsur metafora, hiperbola, simile, personafikasi, ironi dan sebagainya harus ditafsirkan dengan lebih mendalam. Penggunaan gaya bahasa seperti ini sudah memperlihatkan ketrampilan orang Melayu bermain bahasa dengan mengekalkan ciri-ciri kesopanan berbahasa.

1.1.2 Jenis-Jenis Puisi

Puisi merupakan karangan berangkap yang mengutarakan pemikiran dengan bahasa yang indah. Penciptaan Puisi terikat oleh unsur-unsur irama, rima, penyusunan baris dan rangkap. Puisi terbahagi kepada :

- i) Puisi Tradisional yang merangkumi pantun, syair, gurindam dan seloka
- ii) Puisi Moden pula terdiri daripada sajak.

Di dalam kajian ilmiah ini, penulis memberi tumpuan kepada kajian terhadap puisi moden iaitu sajak.

1.1.3 Sajak : Definisi dan Konsep

Di dalam buku *Glosari Istilah Kesusasteraan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1988), perkataan sajak itu sebenarnya mempunyai dua pengertian yang difahami oleh orang Melayu dari segi karangan berangkap iaitu :

- i) Sajak merupakan suatu jenis karangan berangkap seperti pantun dan syair.
- ii) Suatu jenis karangan berangkap cara baru dalam Bahasa Melayu yang mana keadaannya seakan-akan gurindam dan seloka pada bentuk luarnya tetapi berbeza pada isi dan rasa keseniannya dengan beberapa sifat yang tertentu.

Perbezaan itu meliputi aspek tema yang dibawa di dalam sesebuah sajak itu. Tema sajak adalah persoalan pokok yang hendak disampaikan oleh penyair. Di dalam sesebuah sajak itu terdapat bentuk dalaman dan juga bentuk luaran. Apa yang dimaksudkan sebagai bentuk dalaman itu ialah ia membawa ciri-ciri atau sifat yang abstrak bagi sesebuah sajak iaitu cara persembahan perasaan dan pemikiran seseorang penyair itu terhadap makna yang disampaikan manakala bentuk luaran pula ialah sifat-sifat binaan yang dapat dilihat dengan jelas termasuk susunan baris dalam rangkap, susunan atau jumlah perkataan dalam baris dan susunan rima di hujung baris dalam rangkap. Aspek nada juga merupakan salah satu aspek yang berhubung rapat dengan tema, persoalan, rima, jenis dan bentuk sesebuah sajak itu. Nada ialah alunan lembut, keras, rendah atau tinggi yang terhasil daripada pelbagai jenis bunyi dalam sesebuah sajak yang berhubung erat dengan perasaan, pemikiran dan sikap penyair yang diungkapkan dalam sesebuah sajak.

Penggunaan simbol iaitu kata-kata tertentu, turut digunakan untuk menyatakan sesuatu di luar erti kata-kata itu sendiri supaya ia memberi kesan yang lebih mendalam terhadap pembaca. Kesemua aspek yang disebutkan tadi akan dirangkumkan di dalam sesebuah sajak dan akan mewujudkan sebuah gaya bahasa. Gaya bahasa ini merupakan cara berbahasa yang digunakan oleh penyair untuk menimbulkan imej iaitu kesan gambaran yang timbul daripada penggunaan kata, ungkapan dan ayat dalam sesebuah sajak. Imej atau kesan gambaran ini yang membantu pembaca mendekati dan menyelami pengalaman penyair serta memberi kesan terhadap maksud sebenar yang ingin disampaikan di dalam sesebuah sajak itu.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ilmiah ini memberi penumpuan kepada pengkajian terhadap sebuah genre sastera yang merupakan aspek utama dalam puisi moden iaitu sajak-sajak Melayu. Makna yang terkandung di dalam sesebuah sajak itu bersifat tersirat dan luas pengertiannya. Di dalam sajak, bahasa digunakan untuk memindahkan perasaan dan pemikiran penyair. Justeru makna yang disampaikan oleh penyair di dalam sesebuah sajak dengan menggunakan perantara bahasa harus ditafsirkan secara lebih mendalam. Persoalan utama yang wujud dalam kajian ini ialah adakah makna tersirat yang terkandung di dalam sesebuah sajak itu boleh dianggap sebagai implikatur.

Secara umumnya, implikatur melibatkan ketersiratan makna yang wujud dalam sesebuah peristiwa komunikasi yakni perbualan. Konsep implikatur ini diperkenalkan oleh seorang ahli falsafah iaitu Paul Grice pada tahun 1975. Menurut Grice (1975) sesuatu pertuturan itu boleh bermaksud suatu cadangan (iaitu suatu kenyataan) bahawa ia bukanlah merupakan sebahagian daripada pertuturan. Pernyataan ini membawa maksud kebanyakan orang apabila mereka bertutur, mereka gemar menyampaikan makna yang melangkaui mengenai apa yang mereka perkatakan yakni mempunyai makna lain disebalik apa yang diucapkan. Kenyataan inilah yang disebut sebagai implikatur. Namun teori yang dikemukakan oleh Grice tidak menerangkan dengan lebih lanjut bagaimana proses dalam usaha mengenalpasti implikatur yang terdapat dalam perbualan mahupun di peringkat ayat itu berlaku terutamanya pada ayat yang berbentuk figuratif yang terdapat dalam sajak. Justeru penulis telah memutuskan bahawa Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) adalah teori yang mampu membuktikan bahawa

implikatur yang melibatkan bahasa figuratif dapat dihuraikan dengan jelas menerusi prinsip relevan yang menjadi gagasan utama kepada teori ini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian bagi kajian ilmiah ini adalah seperti berikut :-

- i) Melihat keberkesanan Teori Relevan dalam menghuraikan implikatur yang wujud dalam sajak.
- ii) Melihat sejauh mana pembaca yang membaca sajak-sajak yang terdiri daripada bahasa figuratif mencapai matlamat tiga gagasan utama dalam Teori Relevan iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses dalam usaha mereka mengesan dan memproses implikatur yang terdapat dalam sajak.
- iii) Mengenalpasti jenis-jenis implikatur yang wujud dalam sajak.
- iv) Mengenalpasti apakah strategi-strategi penggunaan implikatur dalam sajak.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk melihat bagaimana pembaca yang membaca sajak dapat mengesan implikatur yang tidak melibatkan perbualan apabila ingin menyampaikan sesuatu mesej tetapi melibatkan penyampaian mesej secara tersirat

melalui genre sastra seperti sajak Kajian ini juga penting untuk membantu penyelidik-penyelidik lain yang selama ini hanya menjalankan kajian berteraskan Teori Grice dalam membicarakan tentang implikatur. Satu anjakan paradigma perlu dilakukan dengan melihat kepada teori-teori baru yang mempunyai kelebihan dalam mendasari kajian berkaitan implikatur. Selain itu kajian ini dapat memupuk minat di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pragmatik untuk terus mendalami bidang ini dan mempertingkatkan lagi tahap pemikiran mereka. Oleh kerana kajian ini melibatkan pengkajian ke atas sajak-sajak Melayu, secara tidak langsung ia melibatkan bidang kesusasteraan moden.

1.5 Metodologi

Bahan dasar bagi kajian ilmiah ini terdiri daripada sajak-sajak Melayu yang tergolong dalam cabang puisi moden yang ditulis oleh beberapa orang penyair. Sebanyak 6 buah sajak telah dipilih untuk dijadikan sampel kajian. Sajak-sajak ini diperolehi melalui 2 buah buku penulisan sajak yang ditulis oleh penyair-penyair lelaki. Di antara buku-buku tersebut ialah buku *Lukisan Zaman* hasil selenggaraan Saudara Rahman Shaari dan juga buku *Aku Hanya Mahu Ke Seberang* karya Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob. Sajak-sajak ini dikategorikan mengikut zaman iaitu :

- i) Sajak zaman sebelum merdeka (tahun 50an)
- ii) Sajak tahun 60-an
- iii) Sajak tahun 70-an
- iv) Sajak tahun 80-an

v) Sajak tahun 90-an

vi) Sajak tahun 2000

Sampel kajian juga terdiri daripada 10 orang pelajar daripada German-Malaysian Institute yang akan membaca keenam-enam sajak yang dikategorikan mengikut tahun ini. Seterusnya soalan-soalan turut dikemukakan kepada pelajar ini berdasarkan sajak yang dibaca dalam usaha melihat samaada mereka dapat mengesan implikatur yang wujud dalam sajak dan bagaimana proses itu berlaku. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan bahan-bahan kajian seperti tesis-tesis, kertas kerja persidangan, kertas-kertas seminar, buku-buku, jurnal-jurnal dan bahan bacaan lain digunakan secara meluas sebagai sumber rujukan utama.

1.6 Skop Kajian

Kajian ilmiah ini hanya tertumpu kepada ruang lingkup bidang pragmatik iaitu aspek implikatur. Kajian ini juga tertumpu kepada pendekatan Teori Relevan dalam menghuraikan implikatur di dalam puisi moden iaitu sajak-sajak Melayu. Sajak-sajak yang dikumpulkan akan dianalisis dan dibaca oleh 10 orang pelajar dan seterusnya melihat bagaimana mereka mengesan implikatur tersebut dan apakah faktor-faktor yang membantu mereka mengesan kewujudan implikatur di dalam sajak-sajak tersebut.